

03 MAR 2000

Hamid-Aids

MALAYSIA CADANGKAN SIDANG KEMUNCAK ASEAN MENGENAI AIDS

PUTRAJAYA, 3 Mac (Bernama) -- Malaysia hari ini mencadangkan agar satu sidang kemuncak mengenai Aids diadakan di peringkat Asean agar anggota pertubuhan itu dapat mencari jalan bersama mengatasi masalah itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata cadangan itu disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Setiausaha Luar Filipina Domingo Siazon yang mengunjungi beliau di pejabatnya di sini hari ini.

Siazon membangkitkan soal mengadakan persidangan Aids di peringkat antarabangsa tetapi Dr Mahathir lebih berminat mengadakannya di peringkat Asean, katanya kepada pemberita selepas mengiringi Siazon pada pertemuan itu.

Katanya, sidang kemuncak yang melibatkan ketua-ketua kerajaan akan menguatkan lagi komitmen menerusi pengaruh politik ke arah mengatasi masalah yang melanda Asean.

Apabila ditanya sama ada Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada sidang kemuncak itu nanti, beliau berkata; "Daripada cara Perdana Menteri cakap, saya rasa ia akan diadakan di Malaysia."

Syed Hamid berkata Dr Mahathir lebih berminat mengadakan perbincangan di peringkat sidang kemuncak di kalangan negara-negara Asean supaya anggota pertubuhan itu dapat mengkaji dengan mendalam bagaimana mereka boleh mencari jalan mengatasi masalah yang mempunyai kesan terhadap masa depan mereka itu.

Katanya, pada pertemuan itu juga Dr Mahathir memberitahu Siazon mengenai pentingnya anggota Asean bekerjasama dalam membincangkan soal globalisasi terhadap Asean agar apa juga kesan buruk yang mungkin timbul dapat ditangani dengan jayanya.

Katanya, mereka juga turut membincangkan mengenai cadangan penubuhan Dana Wang Asia yang disokong oleh negara-negara Asean dan negara Asia Timur dan pentingnya perkara itu dikaji bentuknya secara terperinci lagi.

Menurutnya, perkara lain yang dibincangkan ialah mengenai E-Dagang dan kesan perniagaan melaluinya kepada sistem ekonomi dan perdagangan sesebuah negara.

Ini perlu dibincangkan secara terperinci dalam Asean kerana globalisasi mempunyai kesan tertentu, katanya.

-- BERNAMA

ARA NMO